

03/11/2003

ePage memudahkan capaian kandungan multimedia

Hizral Tazzif Hisham

EPAGE adalah enjin kandungan multimedia yang mampu membaca apa saja jenis

fail dan boleh beroperasi pada pembantu peribadi digital (PDA), telefon pintar, game konsol, set top box atau di dalam sistem kereta. Ia dibangunkan di tengah-tengah revolusi maklumat yang membolehkan maklumat dicapai pada bila-bila masa dan di mana saja tanpa mengira peranti digunakan.

ePage memiliki aplikasi seperti Pictel Viewer, Pictel Browser dan Pictel

Messenger. Ia dihasilkan oleh Pictel, syarikat yang berpangkalan di Glasgow, Scotland dan kini menjadikan Malaysia sebagai pusat operasinya.

Ketua Eksekutif merangkap Pengasas Pictel Malaysia Sdn Bhd (Pictel), Imran Khand, berkata Pictel bercadang menerokai pasaran multimedia dunia menerusi aplikasi terkini dan canggih seperti ePage yang mampu memastikan

maklumat dalam bentuk multimedia dicapai menggunakan pelbagai peranti.

"Kini, teknologi yang dimiliki ePage mampu dimasukkan ke dalam peranti seperti pembantu peribadi digital, telefon pintar dan set top box untuk membolehkan pengguna mendapatkan maklumat dalam bentuk multimedia, yang selama ini hanya terbatas kepada komputer peribadi (PC) saja," katanya di

Putrajaya, minggu lalu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita yang menghadiri majlis menandatangani perjanjian pinjaman dana RM120 juta daripada Malaysian Debt

Ventures Berhad (MDV). Turut hadir bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir

Mohamad; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie;

Pengerusi MDV, Datuk Dr Abdul Samad Alias dan Ketua Eksekutif MDV, Jiro Suzuki.

Perjanjian itu membolehkan Pictel menubuhkan Pictel Malaysia Sdn Bhd, menjadikan Malaysia sebagai pusat pembangunan, pemasaran dan pengedaran serta memindahkan teknologi perisian 'embedded' atau tertanam kepada rakyat tempatan.

Beliau berkata, Pictel bercadang untuk muncul sebagai penyedia dan pembangun perisian tertanam dalam bidang multimedia dan komunikasi bergerak serantau dan membantu Malaysia beranjak daripada negara berasaskan perindustrian kepada negara berasaskan pengetahuan menerusi pemindahan teknologi dan menyuburkan lebih banyak syarikat ICT tempatan.

"Langkah pertama ialah menubuhkan satu program pemindahan teknologi yang membantu Malaysia mendapatkan kemahiran dalam bidang teknologi tertanam serta menghasilkan satu set kemahiran khusus yang diperlukan dalam bidang terbabit," katanya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif MDV, Jiro Suzuki berkata, setakat ini MDV

sudah meluluskan pinjaman sebanyak RM732 juta yang mewakili 31 syarikat dalam pelbagai spektrum aplikasi teknologi daripada perdagangan elektronik (e-dagang), keselamatan, tanpa wayar, pendidikan jarak jauh, pembangunan kandungan dan teknologi marin.

"Kerjasama antara MDV dengan PicSel membolehkan syarikat berkenaan menubuhkan pusat pemasaran, penyelidikan dan pembangunan (P&P) dan pusat latihan bagi memastikan proses pemindahan teknologi berjalan lancar," katanya.